



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KUSKOP GERAKKAN INISIATIF BANTU USAHAWAN TERJEJAS BANJIR

PUTRAJAYA, 2 Disember - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi agensi-agensi di bawahnya terus mempergiat usaha membantu usahawan serta koperasi yang terkesan akibat banjir di beberapa negeri. Pelbagai bentuk bantuan seperti moratorium dan bantuan lain digerakkan bagi meringankan beban mereka yang mengalami kerosakan premis dan gangguan operasi.

Sebagai sebahagian daripada gerakan bantuan menyeluruh, Bank Rakyat menawarkan **moratorium sehingga enam bulan** bagi pelanggan individu dan perniagaan yang terjejas banjir merangkumi produk pembiayaan seperti Pembiayaan Peribadi-i, Perumahan-i, Kenderaan-i, Sewa Beli-i, Pajak Gadai-i, Pembiayaan Pendidikan-i, Mikro-i dan Kad Kredit-i. Selain itu, Bank Rakyat turut menyalurkan **barangan keperluan asas bernilai RM40,000** kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

TEKUN Nasional turut memperkenalkan empat inisiatif bantuan banjir iaitu **moratorium sehingga tiga bulan, penjadualan semula pembiayaan, kemudahan pengeluaran simpanan usahawan** serta **kemudahan overlapping** bagi suntikan modal untuk memulihkan semula operasi perniagaan yang terjejas.

Bagi memastikan bantuan meliputi pelbagai kategori usahawan, SME Corp. Malaysia mengaktifkan **Dana Khas Kecemasan KUSKOP** bagi membantu PKS, usahawan informal dan individu terjejas. Bantuan termasuk pembaikan premis, mesin atau peralatan sehingga **RM5,000** serta geran maksimum **RM5,000** bagi perniagaan kecil dan mikro yang menanggung kemerosotan jualan.

Bantuan kebajikan juga disediakan kepada isi rumah terjejas termasuk golongan B40 dan OKU dengan kadar sehingga **RM500** bagi setiap pemberian tunai, manakala bantuan bencana turut diberikan pada kadar yang sama. Program Persatuan/NGO turut layak menerima geran sehingga **RM5,000** bagi pembiayaan aktiviti sokongan komuniti.

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pula telah meluluskan **moratorium berjumlah RM3,479,384** kepada **13,189 Sahabat Usahawan AIM** setakat 27 November 2025 sekali gus membantu mereka menstabilkan aliran tunai sepanjang tempoh pemulihan pasca banjir.

SME Bank pula menawarkan sokongan pembiayaan melalui kemudahan ***Relief and Adaptation Facility (RAFT)*** dengan jumlah pembiayaan antara **RM100,000 hingga RM1 juta** bagi membantu PKS mengurus aliran tunai dan menyesuaikan operasi selepas bencana. Melalui komponen *Relief and Adaptation*, pembiayaan sehingga RM1 juta ditawarkan pada kadar keuntungan 3.5% dan 3.0%. SME Bank juga menyediakan ***Special Relief Program (SRP)*** kepada pelanggan sedia ada, merangkumi moratorium enam bulan dan lanjutan tempoh pembiayaan selama enam bulan, selain pertimbangan tambahan moratorium berdasarkan penilaian bank.

Bagi memastikan koperasi turut dibantu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menggerakkan dua skim bantuan kecemasan iaitu ***Co-operative Emergency Relief Fund (CERF)*** sehingga RM3,000 bagi mengurangkan kemudaratan melalui kelulusan di peringkat Pengarah Negeri serta **Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK)** sehingga RM30,000 untuk memulihkan semula aktiviti perniagaan koperasi melalui permohonan atas talian dan kelulusan SKM Ibu Pejabat.

Sebanyak **100 unit bakul makanan** turut akan disalurkan oleh pihak Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) bernilai RM100 setiap satu sebagai bantuan awal kepada komuniti usahawan dan keluarga terjejas.

KUSKOP berharap inisiatif ini dapat membantu mempercepat proses pemulihan usahawan, PKS dan koperasi, seterusnya memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi pasca bencana. Usahawan yang terjejas digalakkan menghubungi pejabat agensi KUSKOP berhampiran untuk maklumat lanjut berkaitan bantuan yang ditawarkan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
2 DISEMBER 2025